



Ziarah Prihatin Ramadan UMP bantu insan lain kurang berkemampuan



Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang (Alumni UMP) dengan kerjasama NGO I-Bantu IKRAM Pahang, Hidayah Centre Pahang, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan Kolej Kediaman 4 telah menganjurkan Program Ziarah Prihatin Ramadan 2016 pada 4 Jun 2016 yang lalu.

Program yang melibatkan seramai 50 orang sukarelawan itu memfokuskan pengagihan sumbangan dalam bentuk barangan keperluan harian dan tunai kepada mereka yang kurang bernasib baik (muafak), masyarakat orang Asli beragama Islam serta golongan orang kelainan upaya (OKU) dari tujuh buah kampung yang terpilih di sekitar Kuantan melibatkan 85 keluarga.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, siri pertama program ziarah ini berjalan serentak di lima buah lokasi iaitu Kampung Tiram, Kampung Teruntum, Kampung Kurnia, Kampung Sungai Isap, Kampung Padang dan ziarah rumah ke rumah saudara baharu Islam di bawah seliaan Hidayah Centre Pahang.

"Hari ini seramai 65 penerima menerima sumbangan berupa pek barangan keperluan harian yang mengandungi beras, minyak masak, rempah ratus, kicap, gula, kopi, susu dan lain-lain, set telekung solat dan sejadah serta sedikit wang tunai hasil sumbangan terkumpul Persatuan Alumni UMP, sumbangan peribadi alumni-alumni UMP dan sumbangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMP manakala daripada pihak I-Bantu IKRAM Pahang menyampaikan sumbangan wang tunai.

"Bantuan seperti ini bukan sahaja bermakna buat mereka yang

menerima malah kita juga dapat memenuhi tanggungjawab sosial dalam membantu masyarakat setempat," ujar beliau.

Menurut Tok Empat Kampung Tiram, Tuan Haji Abd Rahama berkata, sumbangan keperluan harian yang diberikan ini sedikit sebanyak mampu meringankan beban dan menceriakan golongan yang memerlukan bagi menyambut kedatangan Ramadan.

Seorang penerima bantuan, Azizah Zakaria, 53, melahirkan rasa syukur kepada UMP dan pihak yang terlibat kerana menghulurkan bantuan tersebut. Beliau yang menghidap sakit kronik buah pinggang tidak mampu membuat kerja-kerja berat.

Beliau amat gembira kerana terpilih dalam salah seorang yang menerima sumbangan ini kerana keperluan dapur masih belum dibeli.

"Sumbangan ini adalah rezeki dari Allah untuk saya sekeluarga menyambut puasa tahun ini," katanya.

Begitu juga dengan Roshayati Mamat, 54, merupakan insan kelainan upaya yang pekak dan bisu berterima kasih kerana sumbangan ini amatlah diharapkan olehnya. Beliau hanya mengambil upah menjahit langsir untuk menampung perbelanjaan empat orang anak yang masih bersekolah.

Hadir menyampaikan sumbangan Yang di-Pertua Pertubuhan IKRAM Negeri Pahang Suhaimi Mohd Aripin mewakili I-Bantu Pahang yang turut serta dalam program ziarah ini di Kampung Tiram. Majlis turut dihadiri oleh Pengerusi Hidayah Centre Pahang, Tuan Haji Zuraidi Ismail, serta Pengarah Program Ziarah Prihatin Ramadan 2016 daripada Persatuan Alumni UMP, Mohd Najib Razali.